

YAYASAN ISLAM KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.4/2009

PENYEDIAAN REKOD-REKOD PERAKAUNAN

TUJUAN

Tujuan pekeling ini dikeluarkan adalah untuk mengarahkan semua pentadbir-pentadbir sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan supaya mematuhi Akta Prosedur Kewangan 1957 dan Pekeling-Pekeling serta Arahan-Arahan Perbendaharaan.

LATARBELAKANG

Hasil dari lawatan pengauditan ke sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Yayasan Islam Kelantan, didapati banyak sekolah-sekolah yang mendapat sumber kewangan dari hasil sumbangan individu atau mana-mana agensi bagi tujuan menampung perbelanjaan aktiviti-aktiviti yang dijalankan melalui persatuan atau badan-badan yang ditubuhkan. Walaubagaimanapun terdapat hanya beberapa buah sekolah sahaja yang menyediakan rekod-rekod perakaunan yang lengkap bagi akaun-akaun tersebut. Perkara ini adalah menyalahi Perkara 36 Akta Prosedur Kewangan 1957 yang antara lain menghendaki semua hasil dan perbelanjaan bagi mana-mana agensi direkod dengan sempurna.

PELAKSANAAN

Bagi mematuhi Akta Prosedur Kewangan 1957 adalah dimaklumkan bahawa semua rekod-rekod perakaunan yang meliputi buku tunai, baucer bayaran, resit terimaan resmi dan lain-lain rekod yang berkaitan hendaklah disediakan bagi semua akaun yang dibuka sama ada bagi akaun sekolah ataupun akaun mana-mana persatuan, tabung-tabung dan badan yang ditubuhkan.

Akaun-akaun ini hendaklah selalu diperiksa oleh Pengetua sekolah atau mana-mana pegawai yang diberikan kuasa olehnya.

KESETIAAN DIJUNJUNG, RAJA DISANJUNG, RAKYAT DIPAYUNG

MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

Tt

(AHMAD ROBERT BIN ABD RAHIM)

Pengarah

Yayasan Islam Kelantan

15 Julai 2009@ 22 Rejab 1430H

YIK.100/1/1-2(34)

**YAYASAN ISLAM KELANTAN
PEKELILING KEWANGAN SEKOLAH BIL.3/2009**

**KADAR WANG PUSINGAN PANJAR RUNCIT UNTUK
SEKOLAH-SEKOLAH YAYASAN ISLAM KELANTAN**

PANDUAN PENETAPAN KADAR PANJAR RUNCIT

TUJUAN

1. Adalah dengan hormatnya dimaklumkan bahawa pentadbiran Yayasan Islam Kelantan telah membuat satu garis panduan kepada sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan untuk menentukan satu kadar panjar runcit untuk digunapakai oleh pengurusan sekolah.
2. Panduan penetapan kadar panjar runcit adalah seperti berikut :-

BIL	SEKOLAH	BILANGAN PELAJAR	KADAR
1	SEKOLAH KAWALAN	MELEBIHI 2000 KEATAS	RM1,000.00
2	SEKOLAH KAWALAN	MELEBIHI 1001 KEATAS	RM700.00
3	SEKOLAH KAWALAN	1000 KEBAWAH	RM500.00
4	SEKOLAH BIASA	MELEBIHI 1001	RM700.00

		KEATAS	
5	SEKOLAH BIASA	1000 KEBAWAH	RM500.00
6	SEKOLAH BANTUAN	MELEBIHI 1001 KEATAS	RM500.00
7	SEKOLAH BANTUAN	1000 KEBAWAH	RM300.00

TARIKH KUATKUASA

3. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 5 April 2009.

**“KESETIAAN DIJUNJUNG, RAJA DISANJUNG,
RAKYAT DIPAYUNG”
“MEMBANGUN BERSAMA ISLAM”**

Yang menurut perintah

Tt
(HAJI CHE ISMAIL BIN HASABULLAH)
Pengarah
Yayasan Islam Kelantan

Bertarikh: 12 April 2009 YIK/100/1/1-2 (26)